

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes penagihan dadah di SibU. Senaraikan mengikut umur dan jantina mengikut tahun 2016 - 2019 dan langkah untuk mengatasi masalah yang berleluasa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada tahun 2016, jumlah penagih dadah yang dikesan di SibU adalah seramai 8 orang, tahun 2017 seramai 7 orang, tahun 2018 seramai 22 orang dan tahun 2019, setakat bulan September adalah seramai 11 orang. Jadual berikut menunjukkan pecahan jumlah penagih dadah tersebut mengikut umur dan jantina:

Kategori umur (tahun)	TAHUN							
	2016		2017		2018		Sehingga Sept. 2019	
	L	P	L	P	L	P	L	P
Bawah 18	0	0	0	0	0	0	0	0
19 - 25	1	0	4	0	3	1	3	0
26 - 40	6	0	1	0	12	2	7	0
41 – 60	1	0	2	0	4	0	1	0
JUMLAH	8	0	7	0	19	3	11	0

L: Lelaki, P:Perempuan

Bagi menangani masalah dadah, langkah-langkah seperti berikut telah diambil:

SOALAN NO : 139

i) melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan yang melibatkan komuniti dan Jabatan Kerajaan lain serta Badan Bukan Kerajaan (NGO). Di Sarawak, Program Pendidikan Pencegahan yang melibatkan pelajar sekolah adalah seperti berikut:

- Kem PINTAR 2.0 (Program Intelek Asuhan Rohani 2.0) iaitu program intervensi dan pendidikan pencegahan dadah untuk murid sekolah rendah yang berumur 10 hingga 12 tahun. Sehingga September 2019, sebanyak 4 buah program Kem PINTAR yang melibatkan 140 orang pelajar telah diadakan;

- Kem SHIELDS (Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya) iaitu program intervensi dan pendidikan pencegahan dadah untuk murid sekolah menengah berumur 13 – 17 tahun. Sehingga September 2019, sebanyak 7 buah program Kem SHIELDS yang melibatkan 280 orang pelajar telah diadakan; dan

- Kem SMART (Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab) iaitu program intervensi dan pendidikan pencegahan dadah untuk remaja di dalam komuniti yang tidak bersekolah, iaitu berumur 15 - 19 tahun dan remaja berisiko selepas fasa persekolahan, iaitu berumur 18 - 19 tahun. Sehingga September 2019, sebanyak 2 buah program Kem SMART yang melibatkan 80 orang pelajar telah dilaksanakan.

ii) menjalankan operasi terhadap aduan-aduan berkaitan penyalahgunaan dadah yang dikemukakan oleh orang awam. Pada tahun ini, sehingga bulan Ogos, sebanyak 438 Ops Cegah telah dijalankan di Sarawak dengan tangkapan seramai 1,671 orang; dan

iii) memberi rawatan dan pemulihan dadah melalui Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Kuching yang mempunyai kapasiti seramai 180 orang klien. Klien dari Sarawak akan dirujuk ke PUSPEN Kuching untuk rawatan dan pemulihan dadah dalam institusi. Selain itu, di Sarawak, terdapat sebanyak 5 buah *Cure & Care Service Centre* di Kuching, Sri Aman, Sibuluan, Miri dan Limbang serta 3 buah *Caring Community House* di Kuching, Mukah dan Bintulu yang memberi perkhidmatan rawatan dan pemulihan dalam komuniti.